



## **007-Peranan Maqasid Syariah “*Hifz Al-Nafs*” dan “*Hifz Al-‘Aql*” dalam Penutupan Sekolah dan Universiti di Malaysia Semasa Pandemik Covid-19**

**Nur Izyan Fariahah binti Alias**

Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia/Pelajar Sarjana Muda  
E-mel: izyanfariahah99@gmail.com

**\*Syed Salim bin Syed Shamsuddin**

Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia/Pensyarah Kanan  
\*E-mel: syedsalim@usim.edu.my

### **ABSTRAK**

Penyebaran wabak COVID-19 merupakan ancaman besar kepada masyarakat dunia pada hari ini. Disebabkan pandemik ini, kerajaan Malaysia telah memperkenalkan beberapa Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi mengekang penularan wabak COVID-19 di negara ini. Antara arahan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan termasuklah penutupan institusi pendidikan seperti sekolah dan universiti di Malaysia. Artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti peranan Maqasid Syariah “*Hifz al-Nafs*” dan “*Hifz al-‘Aql*” dalam penutupan sekolah dan universiti semasa wabak COVID-19 di Malaysia. Artikel ini juga membincangkan kewajaran tindakan kerajaan dalam menutup sekolah dan universiti serta mengenal pasti kesannya terhadap para pelajar dan guru. Penulisan ini menggunakan kaedah kualitatif deskriptif melibatkan kajian kepustakaan melalui analisis dokumen terhadap karangan dan penulisan para ulama silam dan semasa yang berkaitan. Artikel ini mendapati bahawa Maqasid Syariah “*Hifz al-Nafs*” dan “*Hifz al-‘Aql*” memainkan peranan penting dalam memberi justifikasi penutupan sekolah dan universiti di Malaysia. Peranan “*Hifz al-Nafs*” adalah lebih penting daripada “*Hifz al-‘Aql*” bagi memelihara nyawa masyarakat daripada bahaya dan kemudaratannya. Walaupun terdapat beberapa kesan dan cabaran kepada pelajar, guru dan pensyarah, langkah yang diambil oleh kerajaan dalam menutup sekolah dan universiti adalah wajar untuk melindungi kelangsungan kehidupan dan keintelektualan masyarakat Malaysia.

**Kata kunci:** COVID-19, Maqasid Syariah, Sekolah, Universiti.

### **PENDAHULUAN**

Agama Islam yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW telah sempurna disampaikan kepada seluruh umat manusia dan jin serta dijamin kesesuaiannya dengan apa jua keadaan, tempat dan adat kebiasaan. Syariat Islam merupakan sistem perundangan hidup yang bersifat fleksibel dan bersedia menerima perubahan serta perkembangan sejajar dengan perkembangan ilmu dan masyarakat, selagi tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip asas yang telah ditetapkan oleh nas-nas yang *qat’i*. Syariat Islam merangkumi semua hukum agama sama ada yang berkaitan dengan kepercayaan (*al-i’tiqād*), perbuatan bersifat praktis yang



merangkumi hubungan seseorang individu dengan Tuhannya (*al-'ibādāt*) dan hubungannya dengan masyarakat (*al-mu'āmalāt*) serta hal ehwal budi pekerti dan penyucian jiwa (*al-akhlāq wa al-taṣawwuf*). Selain itu, syariat Islam juga bermatlamat untuk memelihara serta menjana *maṣlahah* (kebaikan dan manfaat) dan menolak serta mengelak *mafsadah* (keburukan dan kemudaratan) daripada kehidupan manusia. Secara asasnya terdapat lima perkara utama yang perlu dipelihara oleh setiap individu Muslim (*al-Darūriyyat al-Khams*) yang merangkumi memelihara agama (*Hifẓ al-Dīn*), memelihara nyawa (*Hifẓ al-Nafs*), memelihara akal (*Hifẓ al-'Aql*), memelihara keturunan atau kehormatan (*Hifẓ al-Nasl/al-'Irq*) dan memelihara harta (*Hifẓ al-Māl*). Apa jua perlakuan yang dilakukan oleh setiap individu Muslim atau yang diputuskan oleh pemerintah Muslim di dalam sesebuah negara Islam perlulah mengambil kira perkara-perkara ini agar kesejahteraan hakiki yang berteraskan acuan al-Quran dan al-Sunnah dapat diwujudkan di kalangan individu, masyarakat dan negara.

COVID-19 merupakan pandemik yang menjadi masalah dan ancaman utama di seluruh dunia di masa ini. Penyakit ini berjangkit dari satu individu ke individu yang lain dengan mudah dan berterusan di setiap rantau dunia dan boleh menyebabkan kematian. Oleh sebab itu, bermula 18 Mac 2020 kerajaan Malaysia telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebagai tindakan pencegahan bagi mengekang penularan COVID-19 di Malaysia. Di antara arahan PKP tersebut ialah penutupan institusi pendidikan khususnya sekolah dan universiti di seluruh Malaysia. Langkah ini sedikit sebanyak memberi kesan positif dalam mengurangkan jangkitan penularan wabak COVID-19.

Walau bagaimanapun, arahan ini telah menjejaskan para pelajar dalam menuntut ilmu dan ini boleh membantut dan mengurangkan peningkatan kemahiran mereka dalam bidang yang mereka pelajari. Justeru, kerajaan telah memperkenalkan sistem pembelajaran dalam talian sebagai norma baharu. Sistem ini penting bagi menjaga minda dan pengetahuan pelajar di samping memelihara dan mengurangkan risiko daripada dijangkiti virus COVID-19 sekiranya mereka pergi ke sekolah dan universiti.

Oleh itu, artikel ini akan melihat bagaimana peranan Maqasid Syariah dalam perlaksanaan arahan penutupan sekolah dan universiti, secara khusus untuk memelihara nyawa (*Hifẓ al-Nafs*) dan memelihara akal (*Hifẓ al-'Aql*). Selain itu, kewajaran perintah ini juga akan dilihat serta langkah-langkah lain yang perlu diperhalusi bagi memastikan kelangsungan kehidupan dan keintelektualan masyarakat Malaysia dipelihara.

## KEFAHAMAN DAN KONSEP MAQASID SYARIAH DALAM ISLAM

### 1. Definisi Maqasid Syariah dari Sudut Bahasa dan Istilah

Maqasid Syariah terdiri daripada dua perkataan iaitu maqasid dan syariah. Maqasid ialah kalimah bahasa Arab iaitu “مَقْصِدٌ” yang merupakan kata jamak dari “مَقْصِدٌ” dan diambil daripada kata kerja (قَصَدَ - يَقْصِدُ - قَصَدًا وَمَقْصِدًا), lafaz “قَصَدٌ” dan “مَقْصِدٌ” membawa makna



yang sama iaitu kehendak atau maksud, manakala kalimah “مقصد” bermaksud tempat tujuan. Terdapat banyak makna bagi kalimah “القصد” dari sudut bahasa, antaranya jalan yang lurus, kebergantungan atau sandaran, keadilan, menengahi dan mendatangkan sesuatu perkara (Ibn Manzur, 1990; Nu‘man Jaghim, 2016).

Manakala perkataan syariah diambil daripada kata kerja (شَرَعَ - يَشْرَعُ - شَرَعًا وَشُرُوعًا) bermaksud mengambil air dengan mulut, mengharung dan memulakan. Perkataan “الشريعة” bermaksud sumber air yang manusia serta haiwan masuk dan minum. Perkataan “الشارع” pula merujuk kepada Allah SWT. Oleh itu, kalimah syariah membawa maksud apa yang disyariatkan dan diperintahkan oleh Allah seperti puasa, solat, haji, zakat dan semua amalan baik yang lain yang boleh memberi manfaat kepada makhluk (Ibn Manzur, 1990).

Dari segi istilah, terdapat pelbagai pentakrifan telah diutarakan oleh para ulama bagi Maqasid Syariah, di antaranya Muhammad al-Tahir bin ‘Asyur (2009) telah mendefinisikannya sebagai makna dan hikmah yang diperhatikan bagi Allah SWT pada keseluruhan atau sebahagian besar keadaan pensyariatkan hukum. Al-Raisuni (2010) pula mentakrifkannya sebagai makna, matlamat, kesan dan natijah yang berkaitan dengannya oleh kitab syarak, serta dikehendaki daripada setiap mukalaf untuk berjalan dan sampai kepadanya. Sementara itu, menurut Wahbah al-Zuhaili (1998) Maqasid Syariah ialah makna dan tujuan yang dapat diperhatikan bagi syarak dalam keseluruhan atau sebahagian besar hukumnya. Maqasid Syariah juga bermaksud tujuan akhir daripada syariat dan rahsia-rahsia yang diletakkan oleh Allah SWT dalam setiap hukum-hakam-Nya.

Daripada kepelbagaian pentakrifan tersebut, dapat difahami bahawa Maqasid Syariah bertujuan menjaga kemaslahatan dan kepentingan umat manusia sejagat, sama ada melalui mendatangkan manfaat atau menolak kemudaratan, bagi kehidupan di dunia mahupun akhirat.

## 2. Pembahagian Maqasid Syariah

### *Al-Maqāsid al-‘Ammah*

Menurut Al-Raisuni (2010) *al-Maqāsid al-‘Ammah* ialah objektif dan tujuan yang telah diambil kira oleh syarak dalam menentukan semua atau sebahagian besar hukum syarak. Contohnya ialah dalam memelihara *al-Ḍarūriyyāt al-Khams* iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. *Al-Maqāsid al-‘Ammah* ialah salah satu cara untuk menjaga masyarakat dengan menghilangkan kemudaratan dan kepayahan dan mewujudkan kesaksamaan atau keadilan.

### *Al-Maqāsid al-Khaṣṣah*

*Al-Maqāsid al-Khaṣṣah* ialah perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang perundangan yang khusus seperti dalam hukum muamalat, ibadat, perkahwinan, jinayat dan lain-lain. Menurut Ibn ‘Asyur (2009), bidang Maqasid Syariah terbahagi kepada bab kekeluargaan, muamalat (transaksi), perundangan, jenayah, hudud dan sebagainya.



### *Al-Maqāsid al-Juz'iyah*

*Al-Maqāsid al-Juz'iyah* ialah maqasid dan matlamat untuk menentukan ketetapan hukum syarak secara khusus, daripada hukum wajib, sunat, makruh dan haram. Contohnya dalam hukum perkahwinan, kewajipan mas kahwin bertujuan untuk mewujudkan kasih sayang di antara suami dan isteri, manakala kewajipan mendatangkan saksi pula bagi mengukuhkan akad nikah untuk menolak pertengkaran dan konflik (Al-Raisuni, 2010).

Jika dilihat dari sudut perkaitannya dengan manusia ramai atau individu, Maqasid terbahagi kepada dua; *al-Maqāsid al-Kulliyah* yang merujuk kepada semua umat manusia atau kumpulan yang besar seperti penjagaan negara daripada musuh dan *al-Maqāsid al-Juz'iyah al-Khaṣṣah* yang merujuk kepada maslahat individu atau beberapa individu yang tidak ramai seperti pensyariatan hukum muamalat (Al-Zuhaily, 1998).

### 3. Pembahagian *al-Maqāsid al-Ḍarūriyyah*

Pensyariatan hukum Islam adalah berdasarkan asas untuk menghasilkan maslahat dan menjauhi kerosakan. Menurut Wahbah al-Zuhaily (1998), kemaslahatan jika dilihat dari sudut kekuatan dan kesannya adalah terbahagi kepada tiga jenis; *al-Ḍarūriyyāt*, *al-Ḥājiyyāt* dan *al-Taḥsīniyyāt* atau *al-Kamāliyyāt*. *Al-Ḍarūriyyāt* merupakan objektif yang mana kehidupan agama dan keduniaan manusia tertegak dengannya. Sekiranya tidak ada, maka hidup manusia di dunia ini akan menghadapi kesukaran, tersebarnya kerosakan dan hilangnya nikmat yang abadi serta mendapat siksa di akhirat. *Al-Ḥājiyyāt* pula ialah maslahat yang diperlukan oleh manusia bagi memberi kemudahan kepada mereka dan menghilangkan kesempitan. Sekiranya tiada tidaklah pula membawa kepada kepincangan dalam kehidupan manusia sebagaimana ketiadaan *al-Ḍarūriyyāt*, tetapi akan membawa kepada kesukaran. Manakala *al-Taḥsīniyyāt* ialah kepentingan yang menghendaki seseorang berpegang dengan kebiasaan dan akhlak yang baik serta budi pekerti yang mulia. Ketidadaannya tidaklah membawa kepada kesukaran hidup manusia sebagaimana ketiadaan *al-Ḍarūriyyāt* dan *al-Ḥājiyyāt*, tetapi membawa kepada kehidupan yang tidak elok pada pandangan orang-orang yang berakal.

Syarak memelihara *al-Ḍarūriyyāt* daripada dua sudut; mewujudkan serta merealisasikan (الإيجاد والتحقيق) dan pemeliharaan serta kesinambungan (المحافظة والبقاء). Terdapat lima pembahagian *al-Ḍarūriyyāt* yang utama iaitu memelihara agama (*Ḥifẓ al-Dīn*), memelihara nyawa (*Ḥifẓ al-Nafs*), memelihara akal (*Ḥifẓ al-'Aql*), memelihara keturunan (*Ḥifẓ al-Nasl*) dan memelihara harta benda (*Ḥifẓ al-Māl*).

#### i. *Ḥifẓ al-Dīn*

Tujuan memelihara agama adalah matlamat utama dan terbesar, kerana hidup beragama adalah fitrah manusia. Agama yang benar ialah agama Islam sebagaimana firman Allah SWT:

﴿إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ ۗ﴾

Terjemahan: “*Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam.*”  
(Al-Quran. Al-Imran 3: 19)

Oleh itu, agama mestilah dipelihara kerana kehilangannya membawa kepada kehilangan Maqasid yang lain dan kehancuran dunia. Contoh dalam *Ḥifẓ al-Dīn* ialah pensyariatan



melaksanakan rukun Islam seperti solat, puasa, zakat dan haji.

### ii. *Hifz al-Nafs*

*Hifz al-Nafs* ialah memelihara nyawa dan diri. Allah SWT telah menciptakan manusia dan menurunkan syariat Islam untuk memelihara diri dan jiwa. Matlamat *Hifz al-Nafs* adalah untuk mewujudkan kehidupan manusia dan mengekalkannya dengan melindungi diri daripada bahaya dan kemudaratan. Sebagai contoh, Allah Taala mengizinkan sesuatu yang dilarang sebelumnya apabila berlaku keadaan darurat. Firman Allah SWT:

﴿فَمَنْ اضْطُرَّ فِي مَخْمَصَةٍ غَيْرِ مُتَجَانِفٍ لِإِثْمِهِ، فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ﴾

Terjemahan: “Maka sesiapa yang terpaksa kerana kelaparan (memakan benda-benda yang diharamkan) sedang ia tidak cenderung hendak melakukan dosa (maka bolehlah ia memakannya), kerana sesungguhnya Allah maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

( Al-Quran. Al-Maidah 5: 3)

### iii. *Hifz al-‘Aql*

Akal adalah nikmat dan anugerah yang besar daripada Allah SWT. Kewujudan akal adalah untuk seseorang itu mengenal Tuhannya dan memahami perintah dan larangan-Nya. Menjaga akal mempunyai kedudukannya sangat besar dalam agama apabila syarak meletakkan syarat berakal sebagai ukuran mukalaf seseorang individu. Jaminan untuk memelihara akal merupakan suatu nikmat Allah SWT yang sangat besar. Sebagai contoh, pengharaman sesuatu yang memabukkan seperti arak dan dadah adalah untuk mengelakkan kemudaratan dan kerosakan pada akal dan sel otak manusia.

### iv. *Hifz al-Nasl*

*Hifz al-Nasl* atau memelihara keturunan berlaku melalui hubungan kelamin yang diiktiraf hasil daripada perkahwinan yang sah menurut perundangan syarak untuk mencapai matlamat membina dan menambah keturunan bagi meneruskan kesinambungan zuriat manusia. Status anak yang dilahirkan boleh dinasabkan kepada bapanya. Syarak mengharamkan segala bentuk perbuatan zina demi menjaga kehormatan diri dan keturunan. Allah SWT telah berfirman:

﴿وَلَا تَقْرَبُوا الزَّيْنَىَٰ إِنَّهُ كَانَ فُحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا﴾

Terjemahan: “Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan).”

( Al-Quran. Al-Isra’ 17: 32)

### v. *Hifz al-Māl*

Memiliki, memelihara dan menguasai harta adalah salah satu tujuan syariat Islam yang berkait rapat dengan kehidupan seharian manusia. Dalam Islam, kaedah untuk memiliki harta adalah dengan cara membeli, menjual, menyewa dan meminjam. Oleh itu, Allah mengharuskan jual beli dan mengharamkan riba. Sebagaimana firman Allah SWT:

﴿وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا﴾

Terjemahan: “Sesungguhnya Allah telah menghalalkan jual beli dan meg Haramkan riba.”

(Al-Quran. Al-Baqarah 2: 275)



Selain itu, Allah juga melarang perbuatan mencuri harta orang lain dan setiap perbuatan tersebut ada hukuman dan akibatnya.

Para ulama telah membuat ketetapan wujudnya tertib di antara lima jenis keutamaan tersebut. Masalah atau kepentingan agama diletakkan pada kedudukan tertinggi dan lebih utama daripada kepentingan nyawa, sementara kepentingan nyawa mestilah diutamakan dari kepentingan akal, kepentingan akal mestilah diutamakan dari kepentingan keturunan dan kepentingan keturunan pula diutamakan dari kepentingan harta (Al-Zuhaily, 1998; Hito, 2020).

## PERANAN MAQASID “*HIFZ AL-NAFS*” DAN “*HIFZ AL-‘AQL*” DALAM SYARIAT ISLAM

### 1. Konsep dan Kepentingan *Hifz al-Nafs*

*Al-Nafs* dari segi bahasa ialah zat sesuatu perkara dan hakikatnya. Selain itu, makna lain bagi *al-Nafs* ialah nyawa atau roh yang memberi kehidupan. Maksud yang diinginkan di sini ialah keseluruhan diri manusia daripada roh dan jasad kerana kedua-duanya merupakan dua unsur yang saling melengkapi serta tidak boleh dipisahkan di antara satu sama lain. Firman Allah SWT:

﴿فَإِذَا دَخَلْتُمْ بُيُوتًا فَسَلِّمُوا عَلَىٰ أَنفُسِكُمْ﴾

Terjemahan: “Maka apabila kamu masuk ke mana-mana rumah, hendaklah kamu memberi salam kepada (sesiapa yang seperti) kamu.”

(Al-Quran. Al-Nur 24: 61)

Memelihara diri atau jiwa merupakan salah satu daripada *al-Darūriyyāt al-Khams* atau *al-Kulliyāt al-Khams* yang utama. Islam menjaminnya untuk manusia serta melindunginya daripada sebarang pencerobohan. Islam melarang perbuatan membunuh diri, sama ada diri sendiri atau diri orang lain. Setiap manusia hendaklah menjaga diri daripada sebarang kemudaratan dan bahaya kerana Allah Maha mengasihani dan menyayangi hamba-hamba-Nya. Firman Allah SWT:

﴿وَلَا تَقْتُلُوا أَنفُسَكُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا﴾

Terjemahan: “Dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihani kamu.”

(Al-Quran. Al-Nisa’ 4: 29)

Dari sudut menghasilkan diri dan jiwa, Islam mensyariatkan perkahwinan agar membawa kepada kekalnya zuriat dan kewujudan manusia. Manakala dari sudut penjagaannya, Allah SWT telah memerintahkan manusia untuk makan, minum, memakai pakaian dan mensyariatkan hukuman qisas bagi jenayah membunuh dengan sengaja dan hukuman diat dan kafarah bagi jenayah membunuh dengan tidak sengaja (Al-Zuhaily, 1998).

Secara umumnya, memelihara jiwa dalam Maqasid Syariah ialah memelihara diri dan



nyawa daripada sebarang keburukan yang boleh memudaratkan diri seperti kecederaan dan kematian. Penjagaannya sangat penting kerana diri dan nyawa manusia adalah tulang belakang dalam meneruskan kehidupan dan menjalankan aktiviti harian sebagai khalifah Allah di dunia ini. Al-Khadimi (2001) mengatakan *Hifz al-Nafs* ialah:

مراعاة حق النفس في الحياة، والسلامة، والكرامة، والعزة

Terjemahan: “Memelihara hak diri dalam kehidupan, keselamatan, kehormatan dan kemuliaan.”

## 2. Konsep dan Kepentingan *Hifz al-‘Aql*

*Al-‘Aql* (العقل) pada asalnya adalah asas kemanusiaan insan dan tonggak kepada fitrahnya serta punca kepada taklif (tanggungjawab hukum) dan tanggungjawab manusia (Al-Zuhaili, 1998). *Al-‘Aql* dari segi bahasa terdapat banyak makna antaranya ialah penahan atau penegah. Oleh sebab itu, dalam bahasa Arab perkataan “النَّهْيُ” yang datang dari kata kerja (نَهَى - يَنْهَى - نَهْيًا) bermaksud menegah atau menghalang turut memberi makna akal sebagaimana firman Allah SWT:

﴿إِنَّ فِي ذَلِكَ لآيَاتٍ لِّأُولِي النَّهْيِ﴾

Terjemahan: “Sesungguhnya pada yang demikian ada tanda-tanda (untuk mengambil iktibar) bagi orang-orang yang berakal fikiran”

(Al-Quran. Taha 20: 128)

Justeru, akal akan membezakan di antara kebenaran dan kebatilan di samping menegah individu itu daripada melakukan perkara-perkara yang memudaratkan dirinya dan orang lain.

Makna lain bagi *al-‘Aql* ialah lawan bagi kejahilan. Dengan itu, akal dapat menghilangkan kejahilan pada diri manusia, sekiranya akal digunakan dengan cara yang sepatutnya maka manusia akan dapat mengenal Penciptanya dan melakukan perkara-perkara kebaikan dan bermanfaat. Firman Allah SWT:

﴿وَفِي الْأَرْضِ آيَاتٌ لِّلْمُوقِنِينَ، وَفِي أَنفُسِكُمْ أَفَلَا تُبْصِرُونَ﴾

Terjemahan: “Dan pada bumi ada tanda-tanda (yang membuktikan keesaan dan kekuasaan Allah) bagi orang-orang (yang mahu mencapai pengetahuan) yang yakin, dan juga pada diri kamu sendiri. Maka mengapa kamu tidak mahu melihat serta memikirkan (dalil-dalil dan bukti itu)?”

(Al-Quran. Al-Zariyat 51: 20)

Menurut Hasbollah dan Ramalinggam (2021), berdasarkan pendefinisian *al-‘Aql* oleh Imam al-Ghazali di dalam kitabnya *al-Mustasfā*, *al-‘Aql* juga terangkum dalam empat perkara seperti berikut:

1. *Al-‘Aql* adalah platform untuk menerima pengetahuan saintifik (nazariyah);
2. *Al-‘Aql* adalah pengetahuan yang terbina dalam diri manusia yang dapat membezakan antara yang benar dengan yang salah;
3. *Al-‘Aql* adalah pengetahuan yang diperoleh melalui pelbagai pengalaman hidup;



4. *Al-'Aql* adalah kekuatan yang terbina dari mula manusia dilahirkan hingga mencapai keadaan yang dapat mengetahui akibat dari setiap tindakan. Oleh hal yang demikian, akal dapat menghalang serta mengawal nafsu, keinginan dan kegembiraan jangka pendek.

Ringkasnya, kedudukan akal di dalam Islam sangat penting. Akal merupakan kayu ukur dan penentu status mukalaf seseorang manusia (*manāṭ al-taklīf*). Akal juga membezakan manusia dengan makhluk-makhluk Allah yang lain dan menjadikan manusia bersedia untuk memikul amanah dan tanggungjawab sebagai khalifah di atas muka bumi. Oleh itu, *Hifẓ al-'Aql* ialah salah satu daripada *al-Darūriyyāt al-Khams* utama yang wajib ke atas setiap manusia untuk melindunginya dan menyuburkannya dengan ilmu dan makrifat. Syariat Islam telah mengharamkan segala perkara yang merosakkan atau melemahkan kekuatan akal seperti meminum minuman yang memabukkan dan mewajibkan hukuman hudud atau takzir ke atas orang yang merosakkan akal (Al-Zuhaili, 1998; Hito, 2020).

## WABAK COVID-19 DI MALAYSIA DAN KAEDAH PENCEGAHANNYA DARIPADA PIHAK KERAJAAN

### 1. Sejarah Penyebaran Virus COVID-19 Di Malaysia

Pada penghujung Disember 2019, seluruh dunia digemparkan dengan berita tentang isu COVID-19 iaitu coronavirus yang boleh membahayakan diri manusia dan membawa kepada kematian. Virus ini berasal dari Wuhan, China dan kemudiannya merebak ke seluruh dunia melalui jangkitan sentuhan. Virus ini boleh menyebabkan kemudaratan dan bahaya yang besar kepada manusia terutamanya kepada warga emas, wanita hamil, pesakit yang menghidap penyakit kronik dan kanak-kanak.

Pada 31 Januari 2020 Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkan COVID-19 sebagai darurat kesihatan dunia (Bernama, 17 Mac 2020). Malaysia merupakan salah satu negara yang terjejas akibat wabak virus COVID-19 ini dan jumlah kes COVID-19 semakin meningkat dari hari ke hari. Pada 16 Mac 2020, kerajaan Malaysia telah memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuat kuasa pada 18 Mac 2020. Antara arahan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan ialah larangan menyeluruh pergerakan dan perhimpunan orang ramai di mana-mana tempat dan kawasan di seluruh negara termasuklah menyekat aktiviti keagamaan, sukan dan sosial. Peraturan tersebut melarang pembukaan masjid, pusat komersial dan institusi pendidikan seperti sekolah dan universiti. Di samping itu, pihak kerajaan juga telah memperkenalkan Standard Operating Procedure (SOP) untuk mencegah wabak COVID-19, antaranya seperti berikut (Majlis Keselamatan Negara, 2021):

- a. Penjarakan satu meter antara individu dan melarang mereka berkumpul di tempat yang sesak.
- b. Memakai pelitup muka sekiranya demam, batuk dan selesema.
- c. Mencuci tangan dan menggunakan pensanitasi tangan (*hand sanitizer*).



- d. Mematuhi arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan garis panduan yang ditetapkan dalam melakukan aktiviti seperti ibadat, sosial dan perjalanan ke tempat yang lain.

## 2. Isu Penutupan Sekolah dan Universiti Semasa Pandemik COVID-19 Di Malaysia

Institusi-institusi pendidikan di Malaysia khasnya sekolah dan universiti adalah salah satu tempat yang mengumpulkan dan menghimpunkan ramai orang terutamanya pelajar, guru, pensyarah dan kakitangan. Dengan munculnya COVID-19, sekolah dan universiti telah menjadi salah satu punca merebaknya virus ini kepada rakyat Malaysia. Menurut Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr. Adham Baba dalam laporan media, sebanyak 83 kluster COVID-19 berkaitan sektor pendidikan dilaporkan di seluruh negara dari 1 Januari hingga 20 April 2021 iaitu sebanyak 4,868 kes (Melati, 24 April, 2021).

Akibatnya, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengeluarkan kenyataan untuk menutup semua sekolah di Malaysia. Selain itu, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) juga mengeluarkan kenyataan untuk menutup semua institusi pengajian tinggi awam dan swasta demi melindungi dan menjaga pelajar, guru, pensyarah dan kakitangan daripada dijangkiti wabak ini seterusnya menyebarkannya kepada masyarakat luar.

Namun, penutupan sekolah dan universiti semasa penularan wabak COVID-19 boleh menjejaskan masyarakat khususnya para pelajar kerana mereka tidak dapat belajar secara fizikal seperti biasa. Menurut Prof. Dr. Wan Mohamed Azizi bin Wan Sulaiman, Naib Canselor Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS, penutupan sekolah akibat COVID-19 akan memberi kesan kepada pendidikan dan kesejahteraan ekonomi pelajar yang terjejas sepanjang hayat mereka (Wan Azizi, 16 Jun 2021).

Walau bagaimanapun, pihak KPM dan KPT telah mengeluarkan arahan kepada sekolah dan universiti untuk meneruskan pembelajaran secara dalam talian. Melalui kaedah ini, pelajar akan selamat dan terhindar daripada wabak COVID-19 kerana pelajar tidak perlu keluar dari rumah seterusnya mengelakkan daripada berhimpun dan bersentuhan. Kaedah pembelajaran secara atas talian membolehkan guru dan pensyarah menjalankan sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) walaupun tidak dapat bersemuka dengan para pelajar seterusnya membantu pelajar sekolah dan universiti dalam meneruskan proses penyampaian ilmu.

## PERANAN “*HIFZ AL-NAFS*” DAN “*HIFZ AL-‘AQL*” DALAM PENUTUPAN SEKOLAH DAN UNIVERSITI DI MALAYSIA SEMASA WABAK COVID-19

### 1. Peranan Maqasid Syariah “*Hifz al-Nafs*” dan “*Hifz al-‘Aql*” Dalam Penutupan Sekolah dan Universiti

Maqasid Syariah memainkan peranan penting dalam isu penutupan institusi pendidikan seperti sekolah dan universiti semasa pandemik COVID-19 khususnya dalam memelihara kepentingan pelajar, guru dan masyarakat. Antara Maqasid Syariah yang digunakan dalam masalah ini ialah



memelihara jiwa (*Hifz al-Nafs*) dan memelihara akal (*Hifz al-'Aql*). Menurut Mohd Hapiz & Zakiah (2020), segala dasar dan arahan yang dikeluarkan oleh pihak kementerian dalam menghadkan dan menghalang penularan wabak COVID-19 khususnya dalam melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah selaras dengan Maqasid Syariah bagi memelihara lima perkara asas iaitu agama, jiwa, akal, keturunan dan harta. Selain itu, berdasarkan kajian daripada Abdul Halim et al. (2020), beliau menyatakan bahawa Maqasid Syariah memainkan peranan penting dalam menangani pandemik COVID-19 di Malaysia.

*Hifz al-Nafs* merupakan Maqasid Syariah yang utama dalam masalah ini kerana penularan wabak COVID-19 boleh membawa kepada kematian. PKP yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan tidak bertujuan untuk menyekat semua aktiviti pendidikan. Namun, ia bertujuan untuk menjaga masalah *al-Darūriyyāt* iaitu memelihara nyawa dan mencegah penularan jangkitan virus COVID-19 (Azizan & Nurwati, 2020). Konsep memelihara diri dan nyawa ini adalah bersesuaian dengan kaedah fiqh “درء المفسد مقدم على جلب المصالح” (Menghindari kerosakan lebih diutamakan daripada mengambil kemaslahatan) dan “الضرر يزال” (kemudaratan hendaklah dihilangkan) (Al-Lahji, 2017).

Pada waktu yang sama, *Hifz al-'Aql* juga memainkan peranan penting dalam hal ini. Selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2022) dan Falsafah Pendidikan Islam yang diwartakan oleh Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM), proses penyampaian ilmu melalui proses PdP perlu dilakukan secara berterusan tanpa ada sekatan dan jangka masa tertentu bagi mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Menurut Saifulazry et al. (2019), pendekatan dan kemahiran yang digunakan perlulah seiring dan sejalan dengan perkembangan sains dan teknologi semasa supaya maklumat yang hendak disampaikan mudah dan senang dicapai.

Penutup institusi sekolah dan universiti membuka jalan lain kepada pelajar dan tenaga pengajar untuk meneruskan proses PdP. Menurut Firman & Sari Rahayu (2020), salah satu alternatif pembelajaran semasa penularan wabak COVID-19 ialah meneruskan proses Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) yang dilakukan secara maya. Selain itu, Ehwan Ngadi (2020) mengatakan bahawa pemilihan peranti yang bersesuaian adalah sangat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini dikatakan demikian kerana peranti elektronik seperti telefon dan komputer riba dengan capaian Internet yang tinggi membolehkan pelajar dan guru menjalankan kelas secara dalam talian dengan mudah dan lancar selain dapat memastikan pelajar mendapat akses kepada maklumat dan ilmu yang disampaikan oleh guru.

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Fariza Khalid, Md Daud dan Aidah Abdul Karim, mereka mendapati hasil analisis yang telah dijalankan ke atas 56 orang pelajar sarjana menunjukkan pandangan yang positif terhadap pembelajaran kolaboratif dalam talian yang menggunakan medium teknologi ini. Antara medium yang boleh digunakan semasa pembelajaran dalam talian ialah WhatsApp, Telegram, Microsoft Teams, Google Meet dan lain-lain. Hasil dapatan mereka juga mendapati bahawa aplikasi WhatsApp adalah aplikasi yang mudah dan banyak digunakan oleh semua orang secara meluas untuk semua peringkat umur (Norfiza et al., 2021).



Justeru, pembelajaran dalam talian ini banyak membantu para pelajar dalam menimba ilmu walaupun sekolah dan universiti ditutup secara fizikal. Oleh kerana itu, penjagaan akal pelajar masih terpelihara semasa pandemik COVID-19. Selain menjaga diri, minda yang sihat dan berilmu juga turut terpelihara.

## 2. Perbandingan di Antara Maqasid Syariah “*Hifz al-Nafs*” dan “*Hifz al-‘Aql*” Dalam Sistem Pendidikan di Malaysia.

	<b>Hifz al-Nafs</b>	<b>Hifz al-‘Aql</b>
Kemaslahatan	Dapat menjaga diri pelajar, guru dan masyarakat lain daripada dijangkiti virus COVID-19.	Dapat menjaga akal pelajar kerana wujudnya sistem pembelajaran atas talian semasa pandemik COVID-19.
Keutamaan	<i>Hifz al-Nafs</i> adalah lebih penting daripada <i>Hifz al-‘Aql</i> semasa pandemik COVID-19 di Malaysia.	<i>Hifz al-‘Aql</i> sebahagian daripada <i>Hifz al-Nafs</i> .
Kesihatan	Dapat memelihara keseluruhan diri daripada penyakit dan jangkitan COVID-19 serta boleh menghalang daripada kemudaratan seperti kematian.	Kesihatan mental pelajar terjaga secara menyeluruh.

**Rajah 1:** Perbandingan di antara maqasid syariah “*hifz al-nafs*” dan “*hifz al-‘aql*” dalam sistem pendidikan di Malaysia

Penutupan sekolah dan universiti telah menjejaskan sistem pendidikan di Malaysia, dalam pada itu *Hifz al-Nafs* dan *Hifz al-‘Aql* masing-masing mempunyai peranan tersendiri dalam menjaga kemaslahatan pelajar, guru dan pensyarah semasa wabak COVID-19 menyerang negara ini. Terdapat beberapa perbandingan Maqasid Syariah dalam sistem pendidikan di Malaysia semasa pandemik COVID-19, antaranya dari segi kemaslahatan, keutamaan dan kesihatan.

Semasa wabak COVID-19, terdapat beberapa kemaslahatan yang boleh ditunjukkan dari segi *Hifz al-Nafs* dan *Hifz al-‘Aql* dalam sistem pendidikan di Malaysia. Dari sudut *Hifz al-Nafs*, penjagaan kesihatan diri ketika wabak COVID-19 adalah sangat penting terutamanya kepada pelajar dan guru bagi mengelakkan diri daripada peningkatan kes penularan wabak COVID-19 di Malaysia. Hal ini memandangkan sekolah dan universiti merupakan salah satu tempat sosial yang mengumpulkan ramai masyarakat iaitu pelajar, guru, pensyarah dan kakitangan tanpa mengira peringkat umur. Manakala, dari konteks *Hifz al-‘Aql* pula, kelangsungan keilmuan dan pendidikan perlu terus dijalankan walaupun sekolah dan universiti ditutup. Pihak sekolah dan universiti terutamanya guru dan pensyarah mengambil inisiatif dan langkah lain untuk mengajar dan memberi ilmu pengetahuan kepada pelajar secara dalam talian. Hal ini kerana menuntut ilmu adalah kewajipan semua individu. Melalui ilmu Allah SWT akan mengangkat kedudukan orang-orang yang berilmu sebagaimana firman-Nya:

﴿يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ﴾

Terjemahan: “Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan ugama (dari kalangan kamu) - beberapa



darjat.”

(Al-Quran. Al-Mujadalah 58: 11)

Dari segi keutamaan utama pula, *Hifz al-Nafs* adalah lebih utama daripada *Hifz al-‘Aql*. Para ulama bersepakat bahawa kemaslahatan *Hifz al-Nafs* lebih diutamakan daripada memelihara keturunan, akal dan harta (Al-Amidi, 2003). Keutamaan dalam memelihara diri disebut dalam Al-Quran, Allah SWT berfirman:

﴿فَمَنْ اضْطُرَّ فِي مَخْمَصَةٍ غَيْرِ مُتَجَانِفٍ لِإِيْمَانِهِ فِإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ﴾

Terjemahan: “Maka sesiapa yang terpaksa kerana kelaparan (memakan benda-benda yang diharamkan) sedang ia tidak cenderung hendak melakukan dosa (maka bolehlah ia memakannya), kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.”

(Al-Quran. Al-Maidah 5: 3)

Ayat ini menjelaskan bahawa Allah SWT memberikan keizinan kepada umat Islam untuk memakan makanan yang diharamkan ketika berlaku darurat seperti meminum arak dalam keadaan kehausan yang boleh membawa kepada kematian. Dalam konsep Maqasid Syariah, *Hifz al-Din* adalah sangat signifikan, tetapi sekiranya berlaku kecemasan dan di dalam keadaan darurat yang melibatkan nyawa manusia, maka *Hifz al-Nafs* atau penjagaan diri lebih diutamakan. Al-Amidi (2003) berkata: “Sebagaimana tujuan menjaga agama (*Maqsud al-Din*) didahulukan daripada Maqasid *al-Daruriyyat* yang lain, maka begitu juga apa-apa yang berkaitan dengan tujuan menjaga nyawa (*Maqsud al-Nafs*) adalah lebih diutamakan daripada Maqasid *al-Daruriyyat* yang lain”. Oleh itu, dalam isu penutupan sekolah dan universiti semasa pandemik COVID-19, penjagaan nyawa adalah sangat penting agar dapat melindungi kepentingan rakyat daripada keburukan dan kemudaratan.

Walaupun penjagaan diri amat penting, namun dalam penjagaan mental dan akal juga memainkan peranan yang tidak kurang penting dalam membina kecerdasan minda, mentaliti dan kewarasan pemikiran pelajar. Pada hakikatnya, *Hifz al-‘Aql* adalah sebahagian daripada *Hifz al-Nafs* semasa wabak COVID-19. Menurut Al-Mubaid (2005), *Hifz al-‘Aql* dianggap lebih rendah daripada *Hifz al-Nafs* kerana penjagaan akal adalah sebahagian daripada penjagaan jiwa. Apa-apa yang membawa kepada kehilangan jiwa akan membawa kepada kehilangan akal secara mutlak. Contohnya, semasa wabak COVID-19, jika diri tidak dipelihara dan dijaga daripada bahaya dan kemudaratan, maka pada masa yang sama akal juga tidak terjaga.

Seterusnya, *Hifz al-Nafs* dan *Hifz al-‘Aql* juga memainkan peranan penting dalam sistem pendidikan semasa pandemik COVID-19 dari segi kesihatan pelajar dan pendidik. Kesihatan adalah salah satu komponen penting dalam kehidupan setiap manusia. Dalam penjagaan nyawa, dari sudut kesihatan penutupan ini dapat menjaga keseluruhan badan dan dapat mencegah diri daripada jangkitan virus COVID-19 dan sebarang penyakit yang berkaitan. Manakala dari segi kesihatan akal dan mental pelajar juga terjaga kerana pembelajaran dalam talian banyak membantu pelajar dan guru serta dapat mengelakkan mereka daripada tekanan dan kemurungan (Raja Nur Faznie Aida, 2020). Firman & Sari Rahayu (2020) telah



menyatakan dalam kajian mereka bahawa mahasiswa berasa lebih selesa untuk bertanya dan meluahkan pendapat di dalam kuliah dan kelas semasa pembelajaran dalam talian. Pembelajaran dalam talian memberi keselesaan dan kemudahan kepada pelajar serta dapat membuatkan mereka berasa yakin untuk bertanya dan dapat mengurangkan tekanan seperti yang mereka rasakan ketika belajar secara bersemuka.

Oleh itu, *Hifz al-Nafs* dan *Hifz al-'Aql* masing-masing mempunyai peranan tersendiri dalam sistem pendidikan demi mengekang penularan wabak COVID-19 di Malaysia. Walaupun peranan masing-masing berbeza namun saling melengkapi antara satu sama lain.

### 3. Kewajaran Penutupan Sekolah dan Universiti Semasa Wabak COVID-19.

Penutupan sekolah yang dilaksanakan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) banyak memberi impak positif kepada negara khususnya dari segi penurunan kes jangkitan virus COVID-19. Justifikasi dasar penutupan institusi pendidikan adalah dengan menggunakan konsep siyasah syar'iyah iaitu salah satu langkah yang terbaik untuk menjaga kepentingan dan kemaslahatan umum sebagaimana yang dituntut dalam Islam. Keputusan dan arahan yang dikeluarkan oleh KPM dan KPT berhubung dengan isu penutupan sekolah dan universiti adalah selaras dengan penerapan siyasah syar'iyah dan Maqasid Syariah iaitu *Hifz al-Nafs*. Menurut Abdul Rahman Taj (2014), setiap keputusan yang berpandukan siyasah syar'iyah hendaklah mematuhi dua syarat iaitu:

- a. Memenuhi Maqasid Syariah dan mengaplikasikan kaedah dan prinsip hukum yang betul;
- b. Tidak menyalahi dan bercanggah secara jelas ketetapan hukum dalam nas syarak yang telah menjadi peraturan tetap kepada manusia.

Oleh yang demikian, menjadi keutamaan kepada pihak kerajaan untuk memastikan nyawa setiap rakyatnya terselamat dan dapat memantau pergerakan sosial agar virus COVID-19 tidak menular ke seluruh pelusuk negara bagi mencegah penularan wabak COVID-19 (Azizan & Nurwati, 2020). Setiap keputusan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa mestilah selaras dengan kepentingan dan kemaslahatan manusia khususnya dalam memelihara nyawa mereka. Hal ini berdasarkan kaedah fiqh “تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة” (Tindakan yang dijalankan oleh pemerintah terhadap rakyat bergantung kepada masalah) (Al-Lahji, 2017).

Asas tindakan yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam menutup sekolah dan universiti ini adalah selaras dengan pendekatan politik Khalifah Umar Ibn al-Khattab radiallahuanhu semasa menghadapi wabak Taun 'Amwās yang melanda Syria (Lukman et al., 2020). Pematuhan terhadap undang-undang yang diperkenalkan oleh kerajaan bagi menjaga kesejahteraan hidup rakyat adalah wajib untuk mengelakkan dan menjauhi diri daripada sebarang bahaya dan kemudaratan. Allah Taala berfirman:

﴿وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ﴾

Terjemahan: “Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan.”

(Al-Quran. Al-Baqarah 2:195)



Dapat difahami daripada ayat ini bahawa sekiranya memasuki tempat yang terdapat virus COVID-19 akan dianggap mencampakkan diri ke lembah kebinasaan. Jadi, jika seseorang menerima berita bahawa terdapat virus COVID-19 di sesuatu kawasan, maka mereka dilarang untuk memasuki kawasan tersebut untuk mengelak virus COVID-19 daripada merebak ke kawasan lain.

Ringkasnya, dasar penutupan institusi pendidikan seperti sekolah dan universiti ini adalah wajar kerana kerajaan ingin memastikan kesejahteraan rakyat terjaga daripada segala kemudaratan yang boleh mendatangkan keburukan kepada rakyat Malaysia. Dasar ini adalah berpandukan kepada Maqasid Syariah iaitu *Hifz al-Nafs*. Kanak-kanak secara umumnya sangat terdedah kepada jangkitan virus COVID-19 kerana daya ketahanan badan mereka lebih rendah berbanding orang dewasa. Selain itu, secara umumnya kanak-kanak masih kurang pengetahuan berkaitan dengan wabak COVID-19 maka sukar bagi mereka untuk menjaga diri mereka sendiri jika tidak dilaksanakan peraturan yang sesuai.

#### **4. Kesan Penutupan Sekolah dan Universiti Kepada Pelajar dan Guru Semasa Wabak COVID-19.**

Penutupan sekolah dan universiti banyak memberi kesan negatif dan positif terutamanya kepada pelajar, guru dan pensyarah. Hakikatnya, penutupan sekolah dan universiti semasa pandemik COVID-19 ini menyekat aktiviti pendidikan dan aktiviti harian mereka dalam menuntut dan menimba ilmu.

Pada sisi negatifnya, kebanyakan guru dan pelajar menghadapi cabaran yang sukar semasa penutupan sekolah dan universiti. Walaupun pihak KPM dan KPT memperkenalkan sistem pendidikan dalam talian untuk pelajar dan guru, tetapi hal ini juga boleh memberikan cabaran yang ketara kepada mereka terutamanya dari segi capaian Internet yang lemah, kekurangan atau tiada gajet dan peranti elektronik, suasana yang tidak kondusif di rumah dan banyak lagi. Perkara ini disokong oleh Muhammed Fakrul Anwar, guru bahasa Inggeris di Sekolah Kebangsaan Sri Jemerli, Kuala Ketil, Kedah dan beliau menyatakan bahawa, pembelajaran dalam talian memberi cabaran besar kepadanya memandangkan kebanyakan pelajar tidak mempunyai kemudahan Internet dan alat elektronik untuk belajar (Bernama, 17 April 2020). Menurut Ahmad Nawawi Yaakob (28 Disember 2020), tiga perkara utama perlu ditangani iaitu keperluan asas, liputan dan kos data Internet.

Selain itu, menurut Shafry Salim (2021), Timbalan Pendaftar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), banyak kajian di peringkat antarabangsa mendapati bahawa penutupan institusi pendidikan semasa pandemik COVID-19 akan mewujudkan generasi yang hilang atau "*the lost generation*" yang akan mewarisi masa depan kerana terdapat sekatan bagi pelajar menimba ilmu semasa pandemik COVID-19. Hal ini akan menimbulkan masalah kepada mentaliti pelajar, guru dan pensyarah.

Di samping itu, penutupan sekolah dan universiti juga memberi kesan dan menjejaskan kesihatan mental pelajar. Pandemik COVID-19 ini memberi kesan yang besar terhadap kesihatan mental individu seperti tekanan, trauma, kebimbangan dan kemurungan (Holmes et



al., 2020). Namun, tahap kesihatan mental seseorang ini juga bergantung kepada kemampuan seseorang itu. Contohnya, jika seseorang itu mempunyai tahap kesihatan mental yang positif, maka dia boleh menangani tekanan tersebut dengan baik (Haizvanie & Norzaini Azman, 2021).

Walau bagaimanapun, setiap kesan negatif yang disebutkan mempunyai penyelesaiannya. Contohnya, pihak yang bertanggungjawab seperti pihak kementerian, universiti dan kerajaan telah memberi bantuan kepada pelajar yang tidak mempunyai alat elektronik seperti komputer untuk meringankan beban mereka bagi menghadapi pembelajaran dalam talian (Mahathir & Wardatul Hayat, 2021). Selain itu, pihak kerajaan turut tampil dalam memberi sumbangan kepada pelajar universiti dalam bentuk dana melalui 'Bantuan Prihatin' bernilai RM200 bagi mengurangkan beban mereka menjalani pembelajaran dalam talian.

Sekalipun penutupan sekolah dan universiti memberi kesan negatif kepada pelajar dan pendidik, tetapi hakikatnya penutupan sekolah ini juga memberi impak yang positif kepada semua orang di Malaysia. Hal ini kerana pelaksanaan ini dapat mencegah dan mengesahkan penularan wabak COVID-19 serta dapat memelihara kepentingan masyarakat daripada kemudaratan dan keburukan seperti kematian. Selain itu, pembelajaran dalam talian semasa pandemik COVID-19 dapat membantu pelajar meningkatkan daya pemikiran mereka serta mereka juga boleh mengetahui dan mempelajari kemahiran teknologi Internet yang menjadi asas pembelajaran pada zaman kini. Hal ini kerana teknologi Internet dewasa ini menjadi medium utama majoriti aktiviti harian manusia di seluruh dunia dan dapat memudahkan kerja bagi semua pihak.

## PENUTUP

Pencegahan penularan virus COVID-19 merupakan isu utama di Malaysia dan dunia ketika ini dan semua individu mestilah memberi kerjasama dan berganding bahu dalam menanganinya. Peningkatan kes COVID-19 di Malaysia memberi kesan kepada segenap lapisan masyarakat di negara ini. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah untuk menghentikan penularan virus COVID-19 di Malaysia dan telah menyekat beberapa sektor sosial antaranya sektor pendidikan dengan mengeluarkan arahan menutup sekolah dan universiti. Tujuan utamanya ialah untuk memelihara kepentingan dan kemaslahatan rakyat kerana sekolah dan universiti adalah antara tempat yang menyumbang kepada peningkatan jangkitan virus COVID-19.

Penutupan sekolah dan universiti adalah selari dengan Maqasid Syariah. Walaupun terdapat kesan negatif dalam isu penutupan sekolah dan universiti, tetapi di sana turut terdapat jalan penyelesaian yang khusus untuk melengkapkan kekurangan tersebut. *Hifz al-Nafs* dan *Hifz al-'Aql* mempunyai peranan tersendiri dalam isu ini. Melalui konsep *Hifz al-'Aql*, pembelajaran dalam talian dapat membantu pelajar dan pendidik untuk meneruskan proses PdP mereka, walaupun terdapat cabaran yang perlu mereka hadapi. Tidak dinafikan, *Hifz al-Nafs* adalah lebih penting kerana menjaga diri merupakan asas kehidupan seseorang. Tanpa penjagaan diri yang baik, manusia akan merasai kesannya sama ada dari segi fizikal mahupun mental.

**RUJUKAN**

- Abdul Halim Abdul Karim, Nurul Syuhadah Azalan & Muhammad Fadhly Ismail. (2020). Tahap kefahaman masyarakat Islam negeri Pahang terhadap peranan maqasid syariah dalam menangani wabak covid-19. *Jurnal Al-Sirat*. 1 (19), 151-162.
- Abdullah bin Muhammad Basmeih. (2013). *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran 30 Juzuk*. Cet. 20. Kuala Lumpur: Darulfikir.
- Ahmad Nawawi Yaakob. (2020, 28 Disember). Perhalusi mekanisme belajar dalam talian. *Berita Harian Online*.  
<https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/12/769612/perhalusi-mekanisme-belajar-dalam-talian>.
- Al-Amidi, Ali bin Muhammad. 2003. *Al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*. Riyadh: Dar al-Sami'i.
- Al-Khadimi, Nur al-Din bin Mukhtar. (2001). *Ilm al-Maqasid al-Syar'iyah*. Riyadh: Maktabah Al-'Abikan.
- Al-Lahji, Abdullah bin Said. (2017). *Idhah al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Cet. 3. Kuwait: Dar al-Dhiya'.
- Al-Mubaid, Muhamad Ahmad. (2005). *Maslahah Hifz al-Nafs fi al-Syariah al-Islamiyyah*. Kaherah: Mua'sasah al-Mukhtar.
- Al-Raisuni, Ahmad. (2011). *Madkhal Ila Maqasid al-Syariah*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Al-Zuhaili, Wahbah. (1998). *Usul al-Fiqh al-Islami*. Cet. 2. Jilid. 2. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Azizan bin Abdul Rahman & Nurwati Ashikkin binti Ahmad Zaluki. (2020). Pencegahan penularan virus corona (COVID-19) menurut perspektif Islam. *Journal of Fatwa Management and Research*, 22 (1), 1-13.
- Bernama. (2020, 17 April). MCO: Impact of digital divide deep with e-learning. *The Star*.  
<https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/17/mco-impact-of-digital-divide-deepens-with-e-learning>.
- Bernama. (2020, 17 Mac). Kronologi COVID-19 di Malaysia. *Berita Harian Online*.  
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/666122/kronologi-COVID-19-di-Malaysia>.
- Ehwan Ngadi. (T.th). *COVID19: implikasi pengajaran dan pembelajaran atas talian*.  
<https://www.usim.edu.my/news/in-our-words/covid19-implikasi-pengajaran-dan-pembelajaran-atas-talian/> (diakses pada 30 Disember 2021).
- Firman & Sari Rahayu Rahman. (2020). Pembelajaran online di tengah pandemi COVID-19. *Indonesia Journal of Educational Science*, 2 (2), 81-89 .
- Haizvanie Muhamed Ganasan & Norzaini Azman. (2021). Kesihatan mental dan motivasi pelajar semasa pembelajaran dalam talian sepanjang pandemik COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6 (10), 25-40.
- Hasbollah Mat Saad & Ramalinggam Rajamanickam. (2021). Maqasid memelihara akal (hifz al-'aql) dan hubungannya dengan falsafah pendidikan kebangsaan. *Jurnal Islamiyyat*, (43), 93-104.
- Hito, Muhammad Hassan. (2020). *Al-Wajiz fi Usul al-Tasyri' al-Islamiyy*. Cet. 4. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Holmes, E. A., O'Connor, R. C., Perry, V. H., Tracey, I., Wessely, S., Arseneault, L., Ballard, C., Christensen, H., Cohen Silver, R., Everall, I., Ford, T., John, A., Kabir, T., King, K., Madan, I., Michie, S., Przybylski, A. K., Shafran, R., Sweeney, A., Worthman, C.

- M., Bullmore, E. (2020). Multidisciplinary research priorities for the COVID-19 pandemic: A call for action for mental health science. *The Lancet Psychiatry*, 7 (6), 547-560.
- Ibn ‘Asyur, Muhammad al-Tahir. (2009). *Maqasid al-Syariah al-Islamiyyah*. Qaherah: Dar al-Salam.
- Ibn Manzur, Jamaluddin bin Muhammad. (1990). *Lisan al-‘Arab*. Beirut: Dar al-Sadir.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2022). *Falsafah pendidikan kebangsaan*. <https://www.moe.gov.my/index.php/dasarmenu/falsafah-pendidikan-kebangsaan> (diakses pada 7 Oktober 2022).
- Lukman Abd Mutalib, Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Ahmad Syukran Baharuddin, Abdul Manan Ismail, Mohd Soberi Awang, Setiyawan Gunardi, Siti Fatimah Salleh & Muhammad Hazim Ahmad. (2020). Sorotan sejarah penyakit berjangkit (wabak) sebagai asas pembinaan fiqh pandemik: Kajian maqasidiah. *Prosiding The 3<sup>rd</sup> International Conference of the Postgraduate Students and Academics in Syariah and Law 2020*, hlm. 221-240.
- Mahathir Yahaya & Wardatul Hayat Adnan. (2021). Cabaran pelajar melalui kaedah pembelajaran atas talian: Kajian institusi pengajian tinggi awam Malaysia. *Journal of Media and Information Warfare*, 14 (1), 11-20.
- Majlis Keselamatan Negara. (2021). *SOP pelan pemulihan negara (PPN)*. <https://www.mkn.gov.my/web/ms/sop-perintah-kawalan-pergerakan/> (diakses pada 29 September 2022).
- Melati Mohd Ariff. (2021, 24 April). COVID-19: Kawal kluster pendidikan sebelum ‘membarah’. *Bernama.com*. <https://www.bernama.com/bm/rencana/news.php?id=1955348>
- Mohd Hapiz Mahaiyadin, & Zakiah Samori. (2020). Kawalan penularan wabak merbahaya menurut perspektif siasah syari‘iyyah. *Journal of Fatwa Management and Research*, 22 (1), 26-48.
- Norfiza Apfandi, Nurul Hafizah Maarof, Nor Syamilah Md Zin, Nurul Suzaina Joli & Rorlinda Yusof. (2021). Kajian amalan penggunaan medium atas talian oleh pelajar bagi proses pembelajaran di rumah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3 (3), 285-295.
- Nu‘man Jaghim. (2016). Maqasid syari‘ah: Mafhumuha wa fawa‘id ma‘rifatuha. *Jurnal al-Tajdid*, (20), 33-65.
- Raja Nur Faznie Aida. (2020, 2 Disember). Pembelajaran online boleh beri kesan kesihatan mental. *Sinar Harian Online*. <https://www.sinarharian.com.my/article/112917/KHAS/>.
- Saifulazry Mokhtar, Kasoma Thia, Habibah Artini Ramlie & Abang Mohd. Razif Abang Muis. (2019). Falsafah pendidikan islam merentas kurikulum alaf ke-2. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Pengajian Kemanusiaan Kali Ke-2*, hlm. 94-105.
- Shafry Salim. (2021). *Negara perlu sedia hadapi “generasi yang hilang” pasca COVID-19*. <https://news.uthm.edu.my/ms/2021/06/negara-perlu-sedia-hadapi-generasi-yang-hilang-pasca-covid-19/> (diakses pada 11 November 2021).
- Taj, Abdul Rahman. (2014). *Al-Siyasah al-Syariah wa al-Fiqh al-Islami*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Wan Azizi bin Wan Sulaiman. (2021, 16 Jun). Cabaran pendidikan semasa pandemik COVID-19. *Sinar Harian Online*. <https://www.sinarharian.com.my/article/144533/BERITA/Nasional/Cabaran->



pendidikan-semasa-pandemik-COVID-19.